

3.1 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA PERKEMBANGAN ISLĀM DI ‘ĀLAM MELAYU

Dalam membincangkan perkembangan Islām di ‘Ālam Melayu, ahli cendekiawan sejarah mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mendorong penyebaran Islām secara positif di rantau ini, di mana faktor-faktor tersebut saling berkaitan antara satu sama lain. Antaranya:

3.1.1 Faktor Agama Islām

Sebelum agama Islām bertapak dan berkembang di Nusantara, masyarakat Melayu sudah mempunyai sistem kepercayaan sendiri yang diwarisi dari nenek moyang dahulu yang dikenali sebagai *animisme*, *dinamisme* dan Hindu-Buddha. Kehidupan mereka dibelenggu dengan unsur-unsur kepercayaan tahayul dan karut yang dikatakan mempunyai roh, jiwa dan mempunyai kuasa dalam pelbagai perkara.

Sebaliknya kedatangan Agama Islām telah membawa satu era baru bagi masyarakat di Nusantara di mana Islām sebagai *al-dīn* yang berteraskan Wahyu Allāh amat bersesuaian dengan fiṭrah atau tabī‘ī manusia. Ia mempunyai peraturan dan disiplin dalam semua aspek kehidupan manusia (Dr. Hj. Abdullah Ishak, 1992: 120). Secara rasionalnya, Islām cukup sesuai untuk semua lapisan manusia dalam semua zaman dan keadaan (*Ibid*). Situasi ini cukup berbeza dengan agama lain. Islām yang berteraskan

‘aqīdah, ‘ibādah, syarīah dan akhlāq sentiasa memberikan keamanan dan kebahagiaan di duniā dan akhīrat. Keunikan agama Islām menyebabkan ia mudah diterima dan difahami oleh seluruh masyarakat Nusantara.

Menurut Willem Wertheim (1956: 196) mengatakan:

Islām gave the small man a sense of individual worth as a member of the Islamic community. According to Hindu ideology he was merely a creature of lower order than the members of the higher castes. Under Islām he could, as it were, feel himself thier equal, or even in his quality as a Moslem, the superior of such of them as were not Moslems themselves, even though he still occupied a subordinate position in the social structure.

Dalam aspek sosial, Islām menegaskan bahawa semua manusia adalah sama dan tidak ada perbezaan darjat. Orang yang mulia di sisi Allāh hanyalah orang yang bertaqwā sahaja. Dalam konteks ini, Islām memberikan jaminan dan ke‘adilan sosial kepada semua umatnya tanpa membezakan antara kaya, miskin dan sebagainya. Malahan, Islām menekankan dasar persaudaraan yang berlandaskan syarī‘at Allāh yang bersifat universal dan sentiasa menanamkan sifat-sifat *Mahmūdah* (terpuji) dan mengelakkan sifat-sifat *Mazmūmah* (tercela).

Sementara dari aspek ekonomi, Islām mempunyai peraturan-peraturan tertentu yang berlandaskan hukum Islām seperti mu‘āmalat, sistem zakāt dan sebagainya. Tegasnya, Islām tidak menggalakkan umatnya menipu, mengambil harta orang lain dengan cara yang tidak ḥalāl (tidak betul).

Islām juga menggalakkan umatnya sentiasa berlaku ‘ādil dalam bidang politik, di mana sesebuah kerajaan yang ditunjangi dengan rasuah dan tidak ‘ādil dalam penta‘biran akan

membawa kepada kehancuran bukan sahaja kepada negara malah kepada semua masyarakat. Keadaan ini menyebabkan Islam mempunyai daya tarikan kuat kepada masyarakat khususnya penduduk Nusantara yang sebelum ini telah pun diorientasikan dengan sistem kefahaman Hindu yang serba kompleks dan rumit terutama sistem kasta yang sukar untuk mewujudkan perpaduan, kerjasama dan kasih sayang antara satu sama lain (Ibid:120).

3.1.2 Faktor Perkahwinan

Perkahwinan juga merupakan faktor penting dalam perkembangan Islam di Nusantara. Perkahwinan ini terjadi dalam dua keadaan. Pertamanya, perkahwinan antara saudagar-saudagar Islam dengan gadis-gadis tempatan, terutama puteri-puteri di kalangan istana dan pembesar-pembesar negeri. Keduanya ialah perkahwinan antara seorang raja dengan puteri-puteri di negeri jiran atau di negeri yang ditakluki. Kedua-dua ini menjadi faktor penyebab kepada penyebaran Islam secara meluas di rantau ini.

Perkahwinan antara golongan di raja juga boleh mempengaruhi perkembangan Islam antara dua buah negara. Sebagai contoh perkahwinan Raja Melaka, Parameswara (Megat Iskandar Syah) dengan Puteri Pasai pada tahun 1414, bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan antara kedua-dua keluarga itu malah para pembesar dan rakyat Melaka turut serta memeluk Islam. Keadaan ini secara tidak langsung telah membawa pengaruh yang besar ke atas perluasan pengaruhnya ke Siak, Inderagiri, Rokan, Pahang, Perak dan lain-lain.

Di samping itu, perkahwinan Merah Silu (Mālik al-Sāleh) dengan Puteri raja Perlak juga membawa kepada pengislāman pembesar dan rakyat Pasai. Situasi yang sama juga berlaku pada daerah yang lain seperti di Jawa, Aceh dan kerajaan yang lain. Di Jawa, hāsil perkahwinan antara Raja Majapahit dengan Puteri Champa, mereka telah mendapat seorang putera yang bernama Raden Patah. Manakala Raden Rahmat adalah hāsil perkahwinan puteri raja Champa dengan seorang mubāligh ‘Arab iaitu Ibrāhīm al-Ghāzī bin Jamal al-Dīn Ḥussīn atau sering disebut Ibrāhīm Asmarkandhi (Abdul Rahman Abdullah, 2000: 231). Kelahiran kedua-dua orang putera ini telah membawa suatu perubahan yang besar kepada masyarakat Jawa di mana mereka telah berjaya menyebarluaskan Islām di seluruh Pulau Jawa dan berjaya mengislamkan masyarakat Jawa pada masa itu (T.W.Arnold, 1979: 384).

Pengaruh penerimaan Islām yang bermula dari istana kemudian diikuti oleh rakyat merupakan satu budaya masyarakat Melayu di Nusantara pada masa itu (Dr. Hj. Abdullah Ishak, 1992, Op cit.:114). Apabila raja dan pembesar menerima Islām maka semua rakyat akan turut memeluk Islām.

3.1.3 Faktor Perdagangan

Bagi mengembangkan lagi da‘wah Islāmiyyah di Nusantara, perdagangan juga memainkan peranan penting dan cukup berkesan. Jaringan perdagangan yang menghubungkan antara ‘Arab, Parsī, India dengan Nusantara dikatakan berlaku sejak beberapa kurun sebelum Masihi lagi hingga ke zaman kedatangan Islām pada abad ke-7 dan ke-8 M. Contohnya, pada abad ke-7, pedagang ‘Arab dan Parsī telah mengadakan hubungan perdagangan dengan China melalui Ceylon dan mereka singgah di beberapa

tempat untuk mengambil air dan mengatasi beberapa kesulitan. Akhirnya, mereka telah berjaya membina pengkalan-pengkalan tetap perdagangan dan beberapa penempatan mereka di Asia Tenggara seperti di Leran, Sumatera (1082M), Campa dan Kemboja (1036M) (Auni Hj. Abdullah, 1974: 216 dan T.W.Arnold, 1979: 367).

Para pedagang juga telah berjaya mengislamkan penduduk tempatan. Mereka menggunakan pelbagai cara untuk menyebarkan Islām. Mereka mengadakan hubungan yang baik dengan para pembesar tempatan dan mengadakan hubungan yang rapat dengan saudagar-saudagar dari kerajaan lain seperti Perlak, Pasai, Aceh dan sebagainya. Terdapat juga di kalangan mereka yang menetap sementara di kawasan penempatan rakyat biasa untuk mempengaruhi rakyat supaya memeluk Islām.

Menurut T.W.Arnold, terdapat kemungkinan Islām telah tersebar di ‘Ālam Melayu pada awal abad Hijrah lagi. Ini berdasarkan kepada laporan orang-orang ‘Arab yang telah mengadakan hubungan perdagangan dengan daerah-daerah ‘Ālam Melayu dan negeri China (Ibid: 363-364). Manakala Tomes Pires (1944: 240-248) dalam bukunya ‘*Suma Oriental*’ berpendapat bahawa penyebaran agama Islām di ‘Ālam Melayu berlaku secara aman melalui perdagangan iaitu hāṣil daripada para pedagang telah membuat penempatan mereka di ‘Ālam Melayu dan dalam masa yang sama mereka telah melangsungkan perkahwinan dengan penduduk setempat. Keadaan ini secara tidak langsung memberi pengaruh yang besar kepada perkembangan Islām.

Harisson (1967: 51-52) juga turut menyokong bahawa proses pengislaman kawasan pantai Timur Sumatera dan kawasan pantai Utara Jawa Timur adalah hāṣil daripada kegiatan da‘wah yang dilakukan oleh saudagar-saudagar Gujerat dan Benggali. Dalam

masa yang sama, mereka telah menjalankan perniagaan di India dan Gugusan Kepulauan Melayu. Keadaan ini telah memberi pengaruh yang besar terhadap raja-raja tempatan untuk menerima Islām kerana mereka terpengaruh dengan kemewahan dan kejayaan perniagaan saudagar-saudagar tersebut.

Contohnya, Pasai telah menjadi pusat perdagangan yang terpenting kerana kedudukannya yang terletak di Timur Laut Sumatera. Ia menjadi tumpuan pedagang-pedagang, saudagar-saudagar ‘Arab dan ‘ulamā’ Arab. Keadaan inilah yang menjadikan perkembangan Islām begitu pesat di Pasai sehingga ke daerah yang lain seperti Melaka, Johor-Riau, Aceh dan seluruh Kepulauan Jawa. (Auni Hj. Abdullah, 1974, Op cit: 219-220).

Seterusnya, ia berkembang pula ke tempat lain seperti Melaka. Kedudukan Melaka yang strategik sebagai sebuah pelabuhan maritim yang bertaraf antarabangsa telah menggalakkan pedagang-pedagang ‘Arab, Parsī dan India datang berdagang di sini. Melaka juga dijadikan sebagai pusat persinggahan (*transit*) bagi pedagang-pedagang dari Timur dan Barat sementara menunggu perubahan angin monsun yang menentukan arah pergerakan kapal. Melalui persinggahan ini, pedagang-pedagang ‘Arab secara tidak langsung telah menyebarkan Agama Islām. Sebahagian mereka berperanan sebagai guru agama. Surau dan masjid dijadikan tempat pengajian agama (Mohd. Jamil Mukmin, 1994: 45-47).

Di samping itu, terdapat juga kemudahan perdagangan yang baik dan keselamatan yang terjamin. Para pedagang juga diberi perlindungan keselamatan. Melaka turut menjadi tumpuan kapal-kapal dagang yang datang dari Gujerat, Pantai Coromandel, Palembang,

Jawa, Banda dan negeri China. Dengan tertumpunya kapal-kapal dari pelbagai tempat di situ, Melaka telah menjadi tempat pertukaran barang-barang di antara saudagar-saudagar dari pelbagai wilayah. Suasana ini cukup menarik perhatian saudagar-saudagar Islām dari ‘Arab dan India untuk datang berdagang ke Melaka (Auni Hj. Abdullah, 1974, Op cit: 227-228).

Di samping itu, peranan Syahbandar juga begitu penting dalam perkembangan Islām. Segala permasalahan yang dihadapi oleh para pedagang akan diselesaikan oleh Syahbandar. Dalam hal ini, Syahbandar menjadi perantara di antara golongan saudagar dengan pemerintah. Pada masa yang sama, Syahbandar juga berperanan dalam menyebarkan Islām kepada golongan raja-raja Melayu bagi menentang gerakan Kristian yang dibawa oleh Portugis. Oleh itu, para ‘ulamā’ dibawa dari luar negeri untuk mengajar peraturan agama di kalangan pemerintah.

3.1.4 Faktor Penaklukan dan Politik

Faktor penaklukan dan politik juga memainkan peranan penting dalam penyebaran Islām secara meluas di ‘Ālam Melayu. Apabila sesebuah kerajaan Islām menakluki daerah lain bagi meluaskan tanah jajahan mereka, secara tidak langsung ia turut mempengaruhi penyebaran Islām. Bagi memelihara kedudukan politik, ekonomi dan sosial bagi sesebuah negara, setiap tanah jajahan akan menerima Islām dan juga ingin mendapatkan sanjungan daripada pemerintah yang telah menakluki mereka.

Dalam hal ini, peranan pembesar dan pemerintah ternyata berperanan sebagai faktor penggalak kepada perkembangan Islām di ‘Ālam Melayu. Ini jelas dapat dilihat

dari pada proses Islamisasi yang berlaku pada awal kedatangan Islām ke Nusantara. Raja-raja yang telah memeluk Islām seperti al-Mālik Sāleh yang berperanan penting dalam memperkuatkan kedudukan Islām di Pasai, Parameswara dalam sejarah Kesultanan Melaka, Sultān Ali Mughāyat Syah dalam sejarah Kesultanan Aceh, Sultān Muhammad (Awang Alak Betatar) dalam sejarah Kesultanan Brunei, Raden Patah dalam Kesultanan Demak dan sebagainya (Auni Hj. Abdullah, 1991, Op cit: 32-33).

Selain itu, di Jawa Sunan Giri telah berjaya menyusun penta'biran kerajaan Jawa dengan dibantu oleh Sunan Kudus dalam bidang perundangan, peng'adilan dan mahkamah. Beliau banyak berperanan dalam mendirikan kerajaan Islam Demak, Pajang dan Mataram (Drs Ridin Sofwan, et al, 2000: 280). Sumbangan ini telah menjadikan raja sebagai kuasa politik yang mempunyai kewibawaan agama dan seterusnya bertanggungjawab memelihara nilai-nilai Islām dan menyusun sistem penta'biran yang bercirikan pemerintahan Islām. Di samping itu, istana juga berperanan sebagai pusat perancangan politik dalam usaha meluaskan kawasan jajahan dan memusatkan perkembangan Islām (*Ibid*).

Usaha diplomasi juga dijalankan oleh pemerintah dan pembesar bagi menjamin kekuatan empayar-empayar Islām. Mereka telah meminta bantuan ketenteraan untuk menghadapi ancaman penjajah Kristian. Kesultanan Pasai pernah mengadakan hubungan dengan Kesultanan Delhi di India dengan mengirimkan penasihatnya, Amīr Daulah yang berasal dari India sebagai utusan untuk mengadap raja Delhi (Auni Hj. Abdullah, 1991, Op cit: 57).

Sejarah Melayu ada menekankan kepentingan muafakat kedua-dua pihak antara raja dan pembesar dalam membantu menasihati raja. Contohnya, Sultan Muzaffar Syah telah melantik Tun Perak sebagai penghulu Klang selepas mendengar pandangan rakyat iaitu dari orang Klang sendiri (Auni Hj. Abdullah, 1991: 12). Selain itu, ‘amalan musyāwarah ini dapat dilihat di kalangan para *Wali Songo* yang sentiasa mengadakan perbincangan yang dipanggil sebagai Musyāwaratan dalam usaha menyebarkan Islām dan meluaskan kekuasaan Islām di Jawa (*Ibid.*). Tidak dapat tidak, peranan *Wali Songo* telah berjaya menyekat pengaruh Hindu di Pulau Jawa dan berjaya mengislamkan masyarakat Jawa.

Kekuatan armada laut juga merupakan faktor pendorong kepada kerajaan-kerajaan Melaka, Brunei, Aceh dan sebagainya dalam mengembangkan pengaruh kekuasaan Islām, meluaskan kuasa jajahan takluk Islām dan menjadi kuasa ekonomi yang kuat di Asia Tenggara. Bahkan yang paling utama adalah menjadi kubu pertahanan laut yang kebal yang dapat memelihara kesinambungan kuasa politik dan ekonomi Islām di ‘Ālam Melayu (Auni Hj. Abdullah, 1991, Op cit: 56).

Contohnya, kerajaan Pasai berjaya meluaskan pengaruhnya melalui pena’lukan kawasan-kawasan lain di Nusantara seperti Melaka. Sementara itu, Tun Perak telah berjaya mena’luki negeri Pahang, Terengganu, Patani, Siak dan sebagainya. Demikian juga dengan kerajaan-kerajaan di pesisir pantai yang menerima agama Islām adalah sebagai satu cara untuk mendapat sokongan daripada orang-orang Islām bagi menentang pengaruh kerajaan Majapahit yang menganut agama Hindu. Selain itu, ia juga salah satu usaha untuk menyekat pengaruh Kristian dari merebak ke daerah ini (Dr. Ismail Hamid, 1986: 61).

Hāsil daripada pentabiran yang cekap dan politik yang stabil, Melaka berjaya meluaskan jajahan takluknya ke negeri-negeri lain seperti Kampar, Siak, Siantan, Manjung, Inderagiri, Jambi, Lingga dan Riau di Sumatera serta ke seluruh negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu (Mohd. Jamil Mukmin, 1994, Op cit: 44). Raja-raja Melaka telah memainkan peranan penting dalam usaha mengembangkan pengaruh Islām seperti Sultān Mansūr Syah yang dibantu oleh pembesar negeri Melaka iaitu Tun Perak.

Di samping menjalankan dasar pena'lukan, mereka juga telah menyebarkan dan mengembangkan Islām ke daerah-daerah lain. Antaranya ialah Syarīf Kebungsuan di Sulu, dengan dasar pena'lukannya yang telah berjaya mengembangkan Islām ke seluruh Kepulauan Sulu. Selain itu, dasar pena'lukan Raden Patah juga telah berjaya mengembangkan Islām ke seluruh Tanah Jawa pada abad ke-16 (Auni Hj. Abdullah, 1974, Op cit: 218).

3.1.5 Faktor Peranan ‘Ulamā’ dan Ahli Sufi

Golongan ‘ulamā’ dan ahli ṣūfi memainkan peranan penting dalam perkembangan agama Islām di Nusantara. Sikap mereka yang senang bergaul dan beramah mesra dengan pelbagai lapisan masyarakat dalam pelbagai situasi telah menarik minat penduduk tempatan untuk mempelajari Islām. Suasana harmoni yang terjalin di dalam perhubungan antara ‘ulamā’ dengan golongan saudagar yang telah memeluk Islām itu telah menjadikan mereka sebagai satu gabungan tenaga yang berpengaruh besar dalam masyarakat tempatan (Auni Hj. Abdullah, 1991, Op cit: 91-92). Keadaan ini telah menarik minat masyarakat yang bukan Islām untuk memeluk Islām. Mereka juga

mempunyai kedudukan dan mendapat sanjungan yang tinggi daripada masyarakat tempatan.

Semasa kemunculan kerajaan awal seperti Perlak, Samudera Pasai, Aceh, Melaka dan sebagainya, para ‘ulamā’ juga berperanan penting dalam penta‘biran kerajaan-kerajaan tersebut. Di dalam kerajaan Aceh, lahir ramai tokoh-tokoh ‘ulamā’ yang berperanan penting dalam menyebarkan Islām. Antaranya ialah Hamzah Fansūrī, Nūru al-Dīn al-Rānīrī, Abdul al-Rāuf Singkel dan Syāms al-Dīn al-Sumatrā’i³⁶.

Pada zaman Kesultanan Aceh, Syāms al-Dīn al-Sumatrā’i, seorang ‘ulamā’ tasawwuf yang mendapat kepercayaan Sultān Iskandar Muda (1606-1636M) telah dilantik menjadi Syeikh al-Islām dan memainkan peranan sebagai pembesar negeri yang bertaraf Perdana Menteri yang menasihati baginda dalam urusan penta‘biran diplomasi dan urusan hubungan luar. Manakala Nūru al-Dīn al-Rānīrī pula menjadi penasihat kepada raja Aceh, Iskandar Thānī pada tahun 1636 sehingga 1641 M (Auni Hj. Abdullah, 1991, Op cit: 98-99).

Pada pertengahan abad ke-7 M, ramai tokoh-tokoh ‘ulamā’ yang berperanan penting dalam penta‘biran negara. Antaranya ialah Hamzah Fansūrī, Syāms al-Dīn al-Sumatrā’i, Nūru al-Dīn al-Rānīrī dan lain-lain. Hamzah Fansūrī terkenal sebagai ‘ulamā’ besar. Beliau banyak menghasilkan karya-karya dan risalah-risalah yang berbentuk agama dan dianggap sebagai tokoh sūfi awal yang paling penting di wilayah Melayu-Indonesia

³⁶ Dalam sebutan ejaan huruf jawi bagi al-Sumatrā’i, sebahagiannya menyebut huruf hamzah (.) sebagai huruf ‘i’ di dalam sebutan rumi, manakala sebahagiannya menyebut huruf hamzah (.) sebagai ‘y’ di dalam sebutan rumi.

serta juga seorang perintis terkenal tradisi kesusasteraan Melayu (Dr. Azyumardi Azra, 1995, Op cit: 166-167).

Berdasarkan sumber sejarah tempatan dan Barat, jelas menunjukkan bahawa kedua-dua ‘ulamā’ ini mempunyai pengaruh yang cukup besar di Aceh dan mereka telah menguasai kehidupan religio-intelektual masyarakat Islām Melayu-Indonesia (Ibid: 169). Manakala al-Rānīrī pula dikenali sebagai tokoh baru (mujāddid) yang banyak menulis karya-karya seperti *Bustān al-Salātin*, *al-Shirat al-Mustaqqīm* yang banyak membahaskan tentang fiqh termasuklah berkaitan dengan bersuci (*wuduk*), solat, zakat, puasa, haji, qurbān dan sebagainya. Beliau juga terkenal sebagai ahli teologi, sasterawan dan politik. Beliau menjadi penasihat kepada Sultān Iskandar Thāni dalam menyelesaikan pelbagai masalah negara. Hāl ini dijelaskan dalam karya beliau *Bustān al-Salātin* (Ibid: 186). Al-Rānīrī bukan sahaja berperanan menjelaskan perkara yang berkaitan dengan Islām, bahkan beliau juga telah membuat perbandingan dengan agama-agama lain yang diterangkan berdasarkan *Kitāb Tibyān fī Ma'rifa al-Adyān*.

Kemudian, dijelaskan juga peranan Abd al-Rā'uf Singkel yang terkenal sebagai tokoh ḥūfi di Aceh pada abad ke-17. Beliau banyak menulis karya-karya tentang fiqh, tafsīr, kalam dan tasawwuf. Antara karya-karya beliau termasuklah *Mirāt al-Thullāb*, *kitāb al-Khāzin*, *Tarjuman al-Mustafīd* dan sebagainya (Azyumardi Azra, 1995, Op cit: 201). Dalam *kitāb Mirāt al-Thullāb*, beliau banyak membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan fiqh. Antaranya aspek politik, sosial, ekonomi dan agama di dalam masyarakat Islām. Malah lebih daripada itu, peranan al-Singkel cukup penting dalam

menyiapkan tafsīr al-Qur'ān yang lengkap di dalam bahasa Melayu. Tafsir ini dikenali sebagai tafsir *al-Khāzim*³⁷.

Selain itu, al-Sinkīlī juga telah berjaya menyelesaikan beberapa permasalahan keagamaan di kalangan keluarga istana sehingga beliau diberi kepercayaan dan tanggungjawab sebagai Qādi Mālik al-'Ādil atau muftī dalam hāl yang berkaitan dengan keagamaan (Azyumardi Azra, 1995, Op cit: 199). Keadaan ini secara tidak langsung telah membawa kepada pengaruh positif di dalam perkembangan Islām bukan sahaja di Aceh malah seluruh 'Ālam Melayu.

Selain itu, Patānī juga telah banyak melahirkan 'ulamā'- 'ulamā' yang berwibawa. Antaranya ialah Dāwud Abd Allāh bin Idris al-Fatānī, 'Alī bin Ishāq al-Patānī dan Muhammad Shālih bin Abd al-Rahmān al-Patānī. Mereka bukan sahaja menjadi pendidik kepada masyarakat Patānī dalam bidang-bidang agama, malah menjadi penasihat, penda'wah yang berwibawa dalam menyampaikan mesej da'wah kepada seluruh masyarakat 'Ālam Melayu. Dalam pada itu, mereka telah mendirikan pondok-pondok di Patānī dan telah menulis beberapa buah kitāb-kitāb yang berkaitan dengan pelbagai bidang khususnya yang berkaitan dengan agama Islām. Kitāb-kitāb ini dijadikan rujukan bagi masyarakat Islām di 'Ālam Melayu pada masa itu.

Manakala di Jawa, *Wālī Songo* merupakan tokoh ahli ṣūfī yang memainkan peranan penting dalam penyebaran Islām di seluruh Jawa. Di samping itu, mereka juga berperanan sebagai tokoh politik yang berwibawa dalam penta'biran kerajaan di Jawa.

³⁷ Tafsīr ini telah ditulis pada masa Hamzah al-Pansūrī atau Syāms al-Dīn al-Sumatrā'i, tetapi gaya terjemahan dan penafsirannya berbeza dengan Hamzah dan Syāms al-Dīn. Untuk perbahasan lebih lanjut mengenai perkembangan tradisi tafsīr al-Qur'ān di Nusantara, lihat P.Riddell, "Earliest Quranic Exegetical Activity in the Malay-Speaking States", Archipel,38 (1989).

Sunan Ampel (Raden Rahmat) yang merupakan Sunan tertua bukan hanya terlibat dalam pembentukan Kesultanan Demak, bahkan menjadi penasihat dan pembimbing utama kepada Raden Patah, Sultan Demak yang pertama (Auni Hj. Abdullah, 1991, Op cit: 99) dan beliau telah mengasaskan penubuhan pesantren di Ngampel Denta, Surabaya. Manakala Sunan Gunung Jati menjadi penasihat kepada Sultān Teranggara. Sunan Kudus pula terkenal sebagai seorang ‘ulamā’ berjiwa pahlawan kerana peranan utamanya dalam menggembangkan tenaga semasa Kesultanan Demak melancarkan jihād menghapuskan kerajaan Majapahit (Ibid).

Sementara itu, Sunan Kalijaga telah menggunakan wayang sebagai media untuk menyebarkan agama Islām dan berjaya mengasimilasikan Islām-Jawa dalam menyampaikan da‘wahnya. Sunan Kalijaga juga pernah menjadi penasihat kerohanian kepada Jaka Tingkar, seorang tokoh kerāmat yang terkenal sebagai pengasas Kesultanan Pajang (Ibid: 100). Beliau juga dikatakan orang penting yang berjaya mendirikan masjid Demak bersama-sama wali yang lain (Drs. Ridin Sofwan, et al, 2000, Op cit: 116).

Selain itu, Sunan Bonang juga memainkan peranan penting bagi menyiarkan Islām terutamanya di daerah Tuban, Pati, Madura dan Pulau Bawean. Beliau telah mencipta alat muzik seperti *tembang* dan *gending* yang berunsurkan ciri-ciri Islām bagi tujuan menarik minat masyarakat Jawa kepada ajaran Islām (Ibid: 74-75). Sementara Sunan Giri dan Sunan Darājāt pula banyak menumpukan kepada golongan bawahan dalam bidang pendidikan dalam usaha menyampaikan misi da‘wah mereka dan dapat menyesuaikan diri dengan ‘ādat tempatan yang berunsurkan agama untuk menarik perhatian masyarakat Jawa (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2000: 232). Hal ini telah

berhasil menarik ramai masyarakat Jawa memeluk Islām (Abdullah bin Nuh dan D. Shahab dalam Risalah Seminar Sedjarah Masuknya Islām ke Indonesia, 1963: 148).

Pada abad ke-14, 15 dan 16, wujudnya kerajaan-kerajaan Islām seperti Perlak, Pasai, Melaka dan Aceh. Keadaan ini memusatkan lagi penyebaran Islām di ‘Ālam Melayu. Atas kegigihan ini, mereka berjaya menyebarkan Islām sehingga berjaya mendirikan wilayah-wilayah Islām di Jawa. Antaranya Giri, Demak dan Grisek (Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1981: 260). Buku *Sejarah Melayu* dan *Hikāyat Raja-raja Pasai* telah menceritakan bagaimana penda’wah menyebarkan Islām di Pasai, Melaka, Pulau Jawa dan sebagainya sehingga berjaya membentuk negara Islām yang terkenal di ‘Ālam Melayu.

C.A.Majul pula menyatakan bahawa peranan pedagang-pedagang terutamanya golongan ṣūfi (tasawwuf) merupakan faktor penyebab kepada perkembangan Islām di ‘Ālam Melayu (Muhammad ‘Uthman el-Muhammady dalam Islām dan Kebudayaan Melayu, 1977: 62). Di samping itu, faktor penentangan kuasa Kristian seperti Portugis dan Sepanyol telah membawa kepada perkembangan Islām di Nusantara dengan lebih pesat lagi (Ibid: 63).

Berdasarkan penjelasan di atas, jelas menunjukkan bahawa faktor-faktor ini telah membawa pengaruh yang cukup besar terhadap perkembangan Islām secara lebih pesat dan berkesan. Di samping itu, ia menjadi asas dan dasar kepada penyebaran Islām secara meluas di seluruh pelusuk dunia. Bahkan, ia turut menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pusat-pusat perkembangan Islām yang utama di ‘Ālam Melayu.